

TEKS UCAPAN

**YB. DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

SEMPENA

StAr AWARDS 2015

**HOTEL SUNWAY PUTRA
KUALA LUMPUR**

JUMAAT, 20 NOVEMBER 2015

[Senarai salutasi terkini akan disediakan oleh UKK MOSTI]

YBHG. DATO' SRI DR. NOORULAINUR MOHD. NUR
Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

YBHG. TAN SRI DATUK MUSTAFA MANSUR
Pengerusi Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia

YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN
Ketua Pengarah, Jabatan Standard Malaysia

KETUA-KETUA JABATAN / AGENSI MOSTI

dan

PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

Salam Sejahtera, dan Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) kerana menjemput saya ke Majlis StAr Awards 2015.

2. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Standards Malaysia atas penganjuran **StAr Awards 2015 pada tahun ini yang merupakan kali kedua selepas penjenamaan semula Majlis Anugerah Standard dan Akreditasi bermula tahun 2014.**

3. Pada hemat saya, pengiktirafan kepada mereka yang turut sama berganding bahu dalam **meningkatkan kualiti kehidupan rakyat merupakan** satu usaha yang murni dan wajar diberi pengiktirafan oleh pihak Kerajaan. Apatah lagi, selaku Kementerian yang bertanggungjawab dalam bidang **standardisasi dan akreditasi** di Malaysia yang menyentuh pelbagai bidang dan aspek kehidupan, sudah pasti MOSTI amat menghargai peranan daripada pelbagai pihak dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Kurang dua bulan lagi, tahun 2015 akan melabuhkan tirainya dan kita akan menginjak ke tahun 2016 di mana bermulanya **Rancangan Malaysia Ke-11.**

5. RMKe-11 amat penting kerana Rancangan ini merupakan **fasa terakhir ke arah mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju dan**

inklusif pada tahun 2020. Dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-11 yang bertemakan ‘**Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat**’, Kerajaan akan terus memastikan setiap inisiatif yang digariskan dalam Rancangan ini akan dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Saya amat teruja apabila melihat peranan standard telah diberikan perhatian khusus oleh Kerajaan dalam RMKe-11. **Standard kini merupakan elemen penting yang telah dikenal pasti dalam melonjakkan pertumbuhan sosio-ekonomi negara dan menjadi teras utama dalam menyokong Bidang-Bidang Fokus Utama seperti Pembangunan IKS, Peningkatan Logistik dan Fasilitasi Perdagangan, Pengukuhan Sektor Pembuatan, Penggunaan Tenaga Secara Mampan, Mentransformasikan Sektor Perkhidmatan dan lain-lain.**

6. Sehubungan itu, saya amat berharap agar semua warga kerja Standards Malaysia khasnya dan warga MOSTI amnya bersama-sama menggembungkan tenaga bagi menjayakan pelaksanaan RMKe-11 ini dengan memastikan agar kesemua perancangan yang terlibat dengan RMKe-11 ini dapat berjalan dengan jayanya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Sepanjang tempoh 19 tahun yang lalu, **Standards Malaysia telah berjaya membangunkan lebih daripada 6,500 Malaysian Standard (MS) di mana 60% daripadanya adalah sejajar dengan standard antarabangsa.** Ini memberikan kita kelebihan daya saing terutamanya dalam senario semasa di mana Malaysia sedang mengintai peluang perdagangan yang baik dengan negara-negara luar terutama di kalangan

negara-negara ASEAN sempena pembentukan **ASEAN Economic Community 2015 (AEC)**.

8. Namun demikian, **standard-standard yang dibangunkan perlulah relevan dengan keperluan semasa semua stakeholders bagi memastikan pelaburan Kerajaan dapat memberi manfaat kepada semua rakyat** khususnya pihak industri, pengguna, institusi-institusi pendidikan dan penyelidikan dan lain-lain. **Sejak tahun 2011-2014, sejumlah 59,219 buah MS telah terjual dengan purata sebanyak 14,803 setahun.** Walaupun terdapat peningkatan berbanding tahun-tahun sebelumnya, ianya masih agak rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju. Ini menunjukkan bahawa kita harus melipat gandakan usaha dalam memberi kesedaran tentang kepentingan standard kepada semua *stakeholders*. Justeru, saya menyeru agar Standards Malaysia untuk terus mempergiatkan iltizam dan inisiatif bagi mencapai hasrat tersebut.

9. Di samping itu, saya juga mengharapkan **kerjasama para pemain industri turut sama berganding bahu dalam mempromosikan peranan standard dan akreditasi** yang disokong oleh **dasar-dasar Kerajaan seperti liberalisasi perdagangan sebagai contoh termeterainya Perjanjian-perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)** yang telah ditandatangani oleh Kerajaan, pembangunan industri dan lain-lain untuk mengoptimumkan peluang-peluang yang terhasil daripada dasar-dasar tersebut. Dalam usaha mendapat kerjasama pemain-pemain industri, Standards Malaysia juga tidak melupakan **syarikat-syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS)**, dimana satu program peringkat kebangsaan telah dianjurkan iaitu **National Standards Compliance Program (NSCP)**.

Program ini bertujuan untuk membantu meningkat dayasaing syarikat-syarikat berstatus IKS ini, selaras dengan Pelan Transformasi Ekonomi Negara (ETP). Usaha ini dilakukan **dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan seperti SME Corporation dan juga MATRADE sebagai salah aktiviti kepada 'Strategi Lautan Biru Kebangsaan' Kerajaan ataupun National Blue Ocean Strategy (NBOS).**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Kejayaan syarikat-syarikat tempatan terutama syarikat berstatus usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) seperti **Syarikat Anis Chocolate Moist Cake** yang telah mendapat pengiktirafan Halal, **Good Manufacturing Practice (GMP)** dan juga HACCP telah berjaya melonjakkan pendapatan dan meluaskan pasaran syarikat tersebut. Sementara itu **Syarikat SecureMetric Technology. Sdn. Bhd.**, sebuah syarikat berstatus MSC telah berjaya mendapat pengiktirafan Sijil Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2008 dan Sijil MyCC (*The Common Criteria for Information Technology Security Evaluation*) daripada Cybersecurity Malaysia, yang mana pensijilan-pensijilan ini telah banyak membantu dalam bisnes keselamatan data, sistem dan peralatan IT dan seterusnya membolehkan syarikat ini menembusi pasaran global. **Kedua-dua contoh kejayaan syarikat tempatan ini membuktikan bahawa standard dan pensijilan terbabit berupaya mendatangkan impak yang positif kepada kejayaan sesuatu syarikat.**

11. Dalam usaha Standards Malaysia memastikan penerapan budaya kualiti yang mapan, **generasi akan datang perlu diterapkan**

dengan ilmu berkaitan standard dan penilaian pematuhan. Menyedari kepentingan ini, **Standards Malaysia** telah memulakan langkah untuk memperkenalkan modul berkaitan standardisasi dan penilaian pematuhan ke dalam sistem pembelajaran negara. Ini melibatkan program kesedaran yang pragmatik dan mudah difahami, supaya pengetahuan ini berakar umbi di dalam jiwa generasi baru dan membentuk budaya kualiti di kalangan rakyat terutamanya dari segi keselamatan, kesihatan dan perlindungan alam sekitar. Antara usaha yang telah Standards Malaysia lakukan adalah melalui **Memorandum Persefahaman dengan institut pengajian tinggi seperti Universiti Utara Malaysia serta Program Olympiad Standard**. Kami percaya penerapan budaya kualiti ini pada peringkat awal, berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara pada masa hadapan terutama menjelang status negara maju pada tahun 2020 dan seterusnya melonjakkan daya saing negara dalam mendepani era globalisasi.

12. Saya juga difahamkan bahawa Standards Malaysia telah mengambil pendekatan berbeza dan proaktif dengan melaksanakan semakan semula strategi dan polisi untuk standard dan akreditasi dengan membangunkan dokumen '**National Standards and Accreditation Framework**' bagi tahun 2016 – 2020. Ianya akan membantu menetapkan hala tuju yang lebih jelas bagi Standards Malaysia, yakni yang lebih sejajar dengan keutamaan dan agenda pembangunan RMKe-11.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Dalam pembentangan Bajet 2016, YAB Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Tahun 2016 akan diisyiharkan sebagai **Tahun Pengkomersilan Malaysia 2016**. Langkah ini bagi menjadikan negara sebagai **hab teknologi yang kompetitif di rantau ini di mana sebanyak RM 1.5 bilion diperuntukkan kepada MOSTI**. Usaha ini dapat melonjakkan hasil produk R&D oleh institusi penyelidikan tempatan ke persada antarabangsa.

14. Standards Malaysia yang merupakan salah satu anggota keluarga besar MOSTI boleh memainkan peranan yang penting bagi **memastikan produk-produk hasil inovasi ini boleh berdaya saing di peringkat global terutama daripada segi penggunaan standard dan juga pengiktirafan terhadap kualiti produk tersebut oleh badan-badan penilaian pematuhan seperti badan-badan pensijilan produk dan juga makmal-makmal pengujian yang telah mendapat status akreditasi daripada Standards Malaysia.**

15. Selain itu **Skim Akreditasi Makmal Malaysia** boleh juga **diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi** dengan menjadikan pencapaian akreditasi makmal sebagai salah satu pra-syarat kepada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan untuk mendapat status **Universiti Penyelidikan (Research University)**. Bertepatan dengan slogan '**Diterima Rakyat, Diiktiraf Dunia**', skim-skim akreditasi yang dijalankan oleh Standards Malaysia juga telah **diterima dengan baik oleh agensi-agensi penguatkuasaan kerajaan**. Contohnya, **Bahagian**

Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah meletak syarat kepada makmal-makmal swasta yang ingin menjalani pengujian makanan bagi tujuan perlabelan makanan, wajib mendapatkan akreditasi daripada Standards Malaysia.

16. Dalam pembentangan Bajet tersebut juga, YAB Perdana Menteri ada menyatakan antara langkah kerajaan untuk melipat-gandakan insentif bagi memperkuuhkan eksport negara adalah dengan **menggalakkan perkhidmatan penilaian dan pematuhan standard antarabangsa dilakukan di dalam negara**. Kerajaan akan memberi insentif untuk penubuhan ***Independent Conformity Assessment Bodies*** atau ICAB. ICAB adalah **syarikat yang menawarkan perkhidmatan penilaian pematuhan bebas kepada pelanggannya untuk pengujian produk, bahan, system atau perkhidmatan bagi pematuhan kepada spifikasi antarabangsa atau standard keselamatan dan pematuhan lain**. Insentif-insentif **pengecualian Cukai Pendapatan dan Elaun Cukai Pelaburan** akan diberikan kepada badan-badan penilaian pematuhan (*conformity assessment body*) untuk mendapat status akreditasi bagi sektor-sektor berikut jentera dan kelengkapan, elektrikal dan elektronik, kimia, aeroangkasa, peralatan perubatan dan juga makanan segar dan yang telah diproses. Maklumat-maklumat ini adalah seperti tertera di Lampiran 21 dalam Ucapan Bajet 2016.

17. Ini menunjukkan peranan penting Standards Malaysia dalam usaha menjadikan produk dan perkhidmatan negara kita berupaya menembusi pasaran global dan seterusnya meningkatkan eksport Malaysia. Insentif-insentif daripada kerajaan ini juga boleh menggalakkan

perkembangan industri perkhidmatan penilaian pematuhan (*conformity assessment service industry*) dan juga dapat mengurangkan kebergantungan kepada badan-badan penilaian pematuhan di agensi-agensi kerajaan terutamanya kepada makmal-makmal pengujian kerajaan. Seperti contoh sistem yang dilaksanakan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga Jabatan Alam Sekitar Malaysia yang telah mewajibkan kepada makmal-makmal swasta yang ingin melakukan pengujian-pengujian bagi tujuan penguatkuasaan yang tertentu, perlu mendapat akreditasi daripada Standards Malaysia. Ini kerana seperti yang kita sedia maklum, agensi-agensi kerajaan mempunyai kekangan seperti kekurangan bajet untuk pembelian peralatan yang terkini dan juga pertambahan staf.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Jabatan Standard Malaysia dalam menjayakan StAr Awards 2015 yang berprestij seperti hari ini. Apa yang saya ingin nyatakan disini, kita harus yakin bahawa apa yang kita lakukan selama ini telah mencapai keberhasilan. Kita telah meletakkan negara pada landasan yang betul dalam usaha mencapai status ekonomi maju. **Daya saing negara juga telah meningkat seperti yang dilaporkan dalam 'The Global Competitiveness Report 2014 -2015' oleh *World Economic Forum (WEF)* kedudukan negara kita adalah pada tempat ke 20 telah bertambah baik daripada kedudukan ke 24 pada 2013-2014, ini bererti kita sudah menjadi sebuah negara yang semakin kompetitif daripada tahun sebelumnya.** Oleh itu kita harus meneruskan usaha, perkukuhkan apa yang

kita lakukan, kuatkan iltizam, memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada serta bekerja sebagai satu pasukan.

19. Ucapan tahniah juga kepada kesemua penerima anugerah pada hari ini. Semoga pengiktirafan yang diberikan ini akan menyemarakkan lagi semangat dan memberi dorongan untuk mencapai prestasi yang lebih tinggi. Saya juga berharap ia akan menjadi sumber inspirasi kepada individu dan syarikat yang lain untuk terus terlibat secara aktif dalam aktiviti standardisasi dan akreditasi.

20. DENGANINI, SAYA DENGAN SEGALA SUKACITANYA MERASMIKAN STAR AWARDS 2015.

Sekian, Terima kasih.